

DATE: 13 / 10 / 2007



Dr M mohon berhari raya di IJN BH-13/10/2007
BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali segak berbaju raya sempena Aidilfitri di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur, semalam. Dr Mahathir akan merayakan Aidilfitri di IJN tahun ini selepas menjalani pembedahan jantung kali kedua enam minggu lalu. Pada kesempatan itu juga, beliau turut mengucapkan selamat hari raya kepada seluruh rakyat negara ini. "Saya dan isteri mengucapkan Selamat Aidilfitri, maaf zahir batin kepada semua rakyat Malaysia beragama Islam. Saya minta maaf kerana tidak dapat menerima pelawat sepanjang berada di (IJN)," katanya.